

Utusan Malaysia - Model Ekonomi Malaysia Terbaik, Dicontohi Negara Asia Barat

 Khamis, Jan 04 2018

Model ekonomi Malaysia terbaik, dicontohi negara Asia Barat

KUALA LUMPUR 3 Jan. - Langkah kerajaan Arab Saudi menaikkan harga petrol sebanyak 126 peratus dan mengguna pakai Cukai Nilai Tambah (VAT) bersamaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) di negara ini membuktikan model ekonomi Malaysia diperakui di peringkat antarabangsa dengan menjadi teladan kepada negara tersebut.

Ketua Penyelidikan Runcit Affin Hwang, Datuk Dr. Nazri Khan berkata, pengunjuran ekonomi negara yang positif dibentuk oleh

model ekonomi di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merangkap Menteri Kewangan ketika ini adalah langkah terbaik.

“Kerajaan telah mengambil langkah bijak lagi proaktif termasuk membangunkan ekonomi negara dengan memperkenalkan GST. Namun, ramai yang kurang tahu manfaat jangka panjang mekanisme itu memperkasakan ekonomi dan pulangnya negara dapat menyediakan peluang pekerjaan, ekonomi negara yang

stabil serta menyediakan kemudahan kepada segenap rakyat.

“Begitu juga dengan pengurangan subsidi sehingga kerajaan dapat mengelakkan pembaziran seterusnya memberi tumpuan kepada bidang atau kemudahan yang lebih memerlukan. Kini, negara dapat menikmati ekonomi lebih baik dan menjadi ikutan negara daripada Asia Barat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai langkah Arab Saudi menaikkan

harga petrolnya sehingga 126 peratus hasil penstrukturan subsidi bahan apinya, dalam mengatasi kepincangan kedudukan fiskal negara itu.

Menurut laporan *Reuters* yang memetik berita agensi tempatan Arab Saudi, petrol RON91 akan dijual pada harga 1.37 riyal (RM1.48) seliter, meningkat daripada 0.75 riyal (RM0.81) seliter, sementara RON95 dijual pada harga 2.04 riyal (RM2.21) seliter iaitu meningkat daripada 0.90 riyal (RM0.98) seliter.